

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN	MUKA SURAT	: 32
TARIKH	: 5/1/2020		
JABATAN	: SPAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Tarif air kekal, kata Aminuddin



Aminuddin (tengah) berkesempatan beramah mesra dengan pemain terlibat dalam kejohanan tersebut semalam.

Negeri Sembilan kekal pendirian, tidak naikkan tarif air

Oleh NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Negeri Sembilan masih mengekalkan pendirian tidak menaikkan kadar tarif air selari dengan janji manifesto kerajaan Pakatan Harapan (PH) negeri itu pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) iaitu tiada kenaikan tarif air dalam tempoh lima tahun.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun bagaimanapun berkata, kerajaan negeri akan membuat semakan secara terperinci dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mengenai dakwaan semua negeri bersetuju melaksanakan pelarasan kadar tarif air yang dijangka dilaksanakan tahun ini.

"Tida perbincangan khusus mengenai perkara ini pada Majlis Mesyuarat Kerajaan

Negeri (MMK) setakat ini," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar.

Xavier dimaklumkan berkata, semua negeri secara dasarnya bersetuju menaikkan tarif air tahun ini manakala kadarnya akan dimuktamadkan selepas perbincangan selesai.

Xavier pada masa sama memberi jaminan kenaikan tarif air tersebut munasabah, tidak membebankan pengguna dan kadar peningkatan tidak melebihi dua peratus daripada pendapatan isi rumah.

Terdahulu, Aminuddin merasmikan Kejohanan Sepak Takraw Piala Dato Seri Aminuddin Harun yang julung kali dianjurkan di sini melibatkan 82 pasukan selama dua hari bermula semalam.

Aminuddin juga memberitahu beliau mahu sukan sepak takraw terus ditingkatkan bagi melahirkan lebih ramai bakat baharu.

"Sukan SEA yang lepas Negeri Sembilan menghantar tiga wakil dan seorang mereka berjaya membawa pulang pingat perak. Ini satu pencapaian yang membanggakan," katanya.